



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,
Aras 18, Blok C,
Ibu Pejabat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,
No. 2, Lebuhr Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya**

Tel. : **03-8870 0015**
E-mel : komunikasi@sprm.gov.my
Web : www.sprm.gov.my
Twitter : twitter.com/SPRMMalaysia
Facebook: facebook.com/sprm.benci.rasuah
Youtube : www.youtube.com/odvmacc

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

TERIMA WATIKAH PELANTIKAN SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA ADUAN SPRM

KETUA Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki telah menyampaikan watiakah pelantikan kepada YBrs. Adrain Jerome Karuna Devan sebagai Ahli Jawatankuasa Aduan (JKA) yang baharu berkuatkuasa selama 3 tahun bermula 1 Februari 2024 hingga 31 Januari 2027, hari ini.

Lantikan ini bagi menggantikan YBhg. Dato' Mohtar bin Mohd Abd Rahman yang meletakkan jawatan pada 4 Disember 2022.

Beliau berkelulusan BA (Hons) International Relations Subsidiaries in Psychology and Environmental Protection & Pollution dari University of Keele, United Kingdom dan berpengalaman luas dalam aktiviti pencegahan jenayah sebagai mantan Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Kuala Lumpur.

JKA ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' (Dr) Asariah binti Mior Shahrudin dan ahlinya terdiri daripada YBhg. Dato' Dr Tam Weng Wah, YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah binti Hj Mohd Awal dan YBhg. Datuk Ruziati binti Mior Ahamad Ariffin.

Pelantikan JKA adalah selari dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang fungsinya untuk memantau pengendalian SPRM tentang aduan salah laku pegawai SPRM yang tidak bersifat jenayah.

JKA adalah salah satu daripada lima badan pemantau bebas iaitu Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) dan Panel Penilaian Operasi (PPO).

SPRM adalah agensi penguatkuasaan pertama di Malaysia yang mempunyai badan bebas yang bertindak sebagai mekanisme semak dan imbang.

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA PUTRAJAYA

8 MEI 2024



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Hisyam Mohd Yusoff (03-88700015) atau Jules Rahman Ong (03-88700219)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui penggabungan Akta SPRM 2009 (Akta 694) bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam memastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).